

Kesan baki tuntutan

BH 27 JAN 2001

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Johari Ibrahim

SIK, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang mengkaji kesan baki tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) dan jika ada yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan keamanan negara ia akan diminta tidak dibangkitkan lagi.

Perdana Menteri berkata, beberapa isu tuntutan itu sudah selesai apabila Suqiu bersetuju bahawa kedudukan istimewa Bumiputera Melayu dan agama Islam sebagai agama rasmi tidak boleh dipersoal kerana ia termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

“Yang lain kita sedang kaji kesannya. Jika ada usaha yang boleh menjejaskan perpaduan kaum, kita akan terus berunding supaya ia tidak dibangkitkan semula.

“Tuntutan berkenaan

“Jika ada usaha yang boleh menjejaskan perpaduan kaum, kita akan terus berunding supaya ia tidak dibangkitkan semula.”

– Dr Mahathir Mohamad

memang kita hadapi masalah. Kedudukan Bumiputera tidak boleh dipersoal. Dalam Perlembagaan tidak ada siapa berhak persoal. Suqiu setuju tidak bangkitkan lagi.

“Kita juga berharap ia tidak dibangkitkan semula pada pilihan raya akan datang,” katanya ketika berdialog pada majlis perjumpaan mesra dengan kepimpinan Umno bahagian Sik dan Baling, di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sik, hari ini.

Sebelum ini, Suqiu sudah menggugurkan tujuh daripada 83 tuntutan mereka.

Beliau menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Jawatankuasa Umno bahagian Sik, Zulkifli Abdul Kadir.

Turut sama pada majlis yang dihadiri kira-kira 1,000 pemimpin dan ahli Umno itu ialah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Penasihat Agama Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid

Othman, yang juga Ketua Umno Bahagian Sik

Pertemuan dengan pemimpin cawangan dari bahagian Sik dan Baling itu adalah yang kedua dengan Umno di Kedah selepas Dr Mahathir menemui pemimpin cawangan dari bahagian Pokok Sena dan Padang Terap, semalam.

Presiden Umno itu dalam rangka pertemuan dengan pemimpin cawangan di seluruh negara bagi mendapatkan maklum balas mengenai masalah Umno serta cadangan terus dari akar umbi.

Dr Mahathir berkata, selain kedudukan istimewa Bumiputera serta Islam sebagai agama rasmi. Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah usaha menaikkan taraf ekonomi orang Melayu supaya tidak ketinggalan berbanding kaum lain.

Katanya, DEB bukan meminta kaum lain ber-

Suqiu dikaji

henti daripada memajukan ekonomi, sebaliknya hanya membantu Bumiputera meningkatkan ekonomi dan mampu mengejar kemajuan kaum lain, sekali gus mengelakkan perasaan tidak puas hati akibat perbezaan taraf ekonomi.

Mengenai sikap kakitangan kerajaan menyokong pembangkang, Perdana Menteri berkata, Umno dan kerajaan akan berusaha mengubah pemikiran golongan berkenaan yang taksab terhadap dakyah palsu pemimpin pembangkang.

Berhubung soalan pembangkang mencemar imej negara dengan meminta ahli Kongres Amerika Syarikat campurtangan urusan dalaman Malaysia, beliau berkata mereka adalah pengkhianat yang mahu melihat kehancuran negara.

“Mereka adalah pengkhianat yang meminta penjajah menekan kita

sedangkan kita berjuang menyelamatkan negara daripada penjajahan semula. Kita harap orang Melayu singkir dan tentang mereka,” katanya.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai sikap golongan muda yang tidak begitu berminat untuk menyokong Umno.

Menjawab soalan Ahli Jawatankuasa Pemuda Umno Sik, Abdul Razak Bahari, Perdana Menteri berkata, Umno memerlukan pendekatan baru bagi memastikan kanak-kanak tadika, pelajar dan penuntut universiti tidak terus terpengaruh dengan pembangkang.

Bagi melakukannya, ibu bapa diminta memastikan anak mereka tidak terpengaruh walaupun terpaksa menghantar anak ke sekolah agama yang banyak digunakan oleh pembangkang bagi memupuk perasaan benci terhadap

Umno dan kerajaan.

“Salah satu caranya ialah mendedahkan anak dengan Umno. Jika boleh bawa mereka ke majlis ceramah dan perjumpaan seperti ini supaya pemikiran mereka diterapkan dengan ajaran Islam sebenar dan bukan ajaran Islam palsu parti pembangkang,” katanya.

Mengenai harga getah yang terlalu rendah, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mempunyai kuasa menentukan harga di pasaran antarabangsa berikutan pengeluaran yang banyak serta saingan getah tiruan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan sedang berusaha mencari jalan membantu pekebun getah yang terjejas akibat harga yang rendah, termasuk melagakkan mereka melakukan kerja sampingan sektor pertanian lain, berniaga dan bekerja kilang.